

Kesatuan sekerja jangan tertipu

B.H. = 1 MAY 1992

KUALA LUMPUR, Khamis — Pemimpin kesatuan sekerja diingatkan jangan mudah tertipu dengan sikap rakan mereka di negara maju yang berpura-pura simpati terhadap nasib pekerja di negara membangun, tetapi sebenarnya bertujuan menghapuskan daya saing negara membangun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin sekerja di negara maju selalu mengungkit hak pekerja di negara membangun tetapi sebenarnya mereka sendiri takut pendapatan mereka tidak akan meningkat kerana saingan barangan hasil negara membangun.

Dalam perutusan sempena Hari Pekerja, Perdana Menteri berkata jika pekerja negara membangun melancarkan mogok dan menuntut upah yang tinggi, keupayaan barangan keluaran negara maju untuk bersaing dengan barangan negara membangun adalah lebih baik dan pekerja mereka akan menuntut upah yang sudah tinggi.

"Sebaliknya, disebabkan barangan dari negara membangun gagal bersaing, pekerja negara membangun mungkin terpaksa

menganggur.

"Janganlah kita tertipu dengan kepura-puraan simpati mereka. Sebenarnya mereka berniat memberhentikan sama sekali saingan supaya mereka terus hidup mewah," katanya.

Menurut Perdana Menteri jika suasana perusahaan berada dalam keadaan aman, jumlah pelaburan akan meningkat sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi untuk mengisi peluang pekerjaan dan kerana itu majikan terpaksa menawarkan upah yang lebih tinggi untuk mendapat pekerja yang diperlukan.

"Ini bermakna upah boleh meningkat tanpa mogok atau ugutan. Kenai-kan ini tidak menjejaskan produktiviti kerana tidak ada kesan buruk daripada mogok dan konfrontasi di antara majikan dan pekerja.

"Inilah cara terbaik bagi menambah pendapatan pekerja. Lebih aman arena perusahaan, lebih produktif perusahaan dan lebih ramai pelabur. Dengan ini peluang pekerjaan bertambah, bilangan penganggur berkurangan dan upah meningkat. Inilah yang berlaku sekarang," katanya.